



PENYELIDIKAN SERANTAU

ISLAM DAN ALAM MELAYU

*Pendidikan, Kewangan, Kehartaan,
Kenegaraan dan Isu Kontemporari*

Mohd Roslan Mohd Nor
Khadher Ahmad
Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff

PENYELIDIKAN SERANTAU

ISLAM DAN ALAM MELAYU

*Pendidikan, Kewangan, Kehartaan,
Kenegaraan dan Isu Kontemporari*

2018

PENYELIDIKAN SERANTAU

ISLAM DAN ALAM MELAYU

*Pendidikan, Kewangan, Kehartaan,
Kenegaraan dan Isu Kontemporari*

Editor:

Mohd Roslan Mohd Nor

Khadher Ahmad

Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff

2018

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan, Kenegaraan dan Isu Kontemporari

Cetakan Pertama 2018

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN: 978-967-5534-81-2

Editor:

Mohd Roslan Mohd Nor, Khadher Ahmad & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff

Buku ini disusun atur dengan menggunakan font *Book Antiqua* dan *Traditional Arabic*.

Diterbitkan oleh:

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur

Emel : api_quran@um.edu.my

Tel : +603-79676046

Faks : +603-79676143



SENARAI KANDUNGAN

Senarai Kandungan	<i>i</i>
Prakata	<i>v</i>
ALIRAN PEMIKIRAN DAN KENEGARAAN (Thought and Nation)	<i>Halaman</i>
1. ISU-ISU SENSITIF DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA PASCA PILIHANRAYA UMUM (PRU14): APLIKASI PENDEKATAN KESEDERHANAAN <i>Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Mohamad Naqib Hamdan, Syamsul Azizul Marinsah</i>	01-12
2. "TERRORISME TIADA AGAMA": MENCARI TITIK PERDAMAIAN ANTARA UMAT BERAGAMA <i>Mohd Anuar Ramli, Muhd Imran Abd Razak, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, Paiz Hassan, Ahmad Bakhtiar Bin Jelani, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli</i>	13-20
3. ALIRAN SALAF DI SELATAN THAILAND SEJARAH PERKEMBANGAN DAN KESANNYA <i>Ismaie Katih, Numan Hayimasae</i>	21-30
KEWANGAN DAN KEHARTAAN ISLAM (Islamic Financial and Property)	<i>Halaman</i>
4. CABARAN DAN HALA TUJU WAKAF TUNAI DI BRUNEI DARUSSALAM <i>Mas Nooraini binti Haji Mohidin</i>	31-48
5. APLIKASI HIBAH DALAM AMALAN JOINT TENANCY: ANALISIS DI MALAYSIA DAN SINGAPURA <i>Luqman Hj. Abdullah, Abdul Karim Ali, Noor Naemah Abdul Rahman, Muhammad Ikhlas Rosele, Nor Fahimah Mohd Razif, Muhammad Safwan Harun</i>	49-58
6. PROSPEK ASURANSI SYARIAH DI INDONESIA <i>Yadi Janwari</i>	58-72
7. GELAGAT PENGHUTANG MUSLIM DI MALAYSIA <i>Nor Aini Ali, Nor 'Azzah Kamri, Suhaili Sarif</i>	73-84
8. ANALISIS PENGURUSAN RISIKO PEMBIAYAAN AKAD MUSYARAKAH: KAJIAN DI BANK SYARIAH MANDIRI INDONESIA <i>Ahmad Azam Sulaiman, Muhamad Faeqi Hadi Saputra, Mohamad Taqiuddin Mohamad</i>	85-98

9.	PERBEZAAN FATWA DALAM PRODUK PERBANKAN ISLAM: ANALISIS TERHADAP FATWA TAWARRUQ <i>Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Taqiuddin Mohamad, Mohd Anuar Ramli</i>	99-108
10.	THE MODERATING EFFECT OF BANK MONITORING IN ENHANCING FINANCIAL AND NON-FINANCIAL SERVICES OFFERED BY ISLAMIC MICROFINANCE TOWARDS MICRO-ENTREPRENEUR'S SOCIAL PERFORMANCE IN THAILAND <i>Ruslee Nuh, Tawat Noipom, Muhamed Dahlan bin Ibrahim</i>	109-122
11.	A LEGAL DIMENSION OF WAQF ADMINISTRATION IN THAILAND <i>Suthisak Duereh, Tawat Noipom</i>	123-126
12.	EXPLORING ZAKAT PRACTICES IN THAILAND: THE CASE OF BAAN KOTA IN SATUN PROVINCE <i>Tawat Noipom, Aris Hassama, Mahmood Hayeemad</i>	127-134
13.	PERCEPTION OF EXECUTIVE BOARD MEMBERS TOWARDS SHARI'AH GOVERNANCE OF ISLAMIC COOPERATIVES IN THAILAND: AN AGENCY THEORY APPROACH <i>Aris Hassama, Tawat Noipom, Mahmood Hayeemad</i>	135-140
FALSAFAH ISLAM DAN KEROHANIAN (Islamic Philosophy and Spiritual)		<i>Halaman</i>
14.	PENGUBATAN ISLAM SECARA RUQYAH SYAR'IYYAH DI ALAM MELAYU: SUATU ANALISIS DI PUSAT RAWATAN ISLAM DARUSSYIFA', BANDAR BARU BANGI, SELANGOR, MALAYSIA <i>Rushdi Bin Ramli, Dato' Abdul Rashid Bin Mat Amin, Tuan Haji Mohd Albar bin Mohd Noor</i>	141-158
15.	PENGHURAIAN AYAT-AYAT SIFAT DALAM KARYA ULAMA' DI THAILAND DAN HUBUNG KAITNYA DENGAN METODE HURAIAN AYAT-AYAT SIFAT OLEH IMAM AL-SUYUTYIY DALAM KARYANYA <i>Abdulahdee Sabuding, Abdullah Karina</i>	159-170
16.	EPISTEMOLOGI KONSEP LIVING HADIS: SATU TINJAUAN LITERATUR <i>Lilly Suzana Shamsu, Norsaleha Mohd Salleh</i>	171-186
PENYELIDIKAN TERKINI DAN SEMASA BIDANG PENGAJIAN ISLAM (Current and Contemporary Research in Islamic Studies)		<i>Halaman</i>
17.	ELEMEN SEMASA DALAM PENENTUAN FATWA: SATU ANALISIS <i>Noor Naemah Abdul Rahman, Muhammad Ikhlas Rosele</i>	187-194
18.	KAEDAH PENENTUAN WAKTU SOLAT DI MALAYSIA: SATU SOROTAN LITERATUR <i>Nurul Kausar Nizam, Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, Saadan Man</i>	195-208

“TERRORISME TIADA AGAMA”: MENCARI TITIK PERDAMAIAN ANTARA UMAT BERAGAMA

Mohd Anuar Ramli*, Muhd Imran Abd Razak**, Rahimin Affandi Abdul
Rahim***, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh****, Paiz Hassan*****,
Ahmad Bakhtiar Bin Jelani*****, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli*****

*Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: mohdanuar@um.edu.my

** Pensyarah. Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610 Perak. Emel: imranrazak@perak.uitm.edu.my

*** Prof Madya, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: faqir_ila_rabbih@um.edu.my

**** Pensyarah Kanan. Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610 Perak. Emel: yusri613@perak.uitm.edu.my

**** Pensyarah Kanan. Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Seri Iskandar, 32610 Perak. Emel: paiz4186@perak.uitm.edu.my

***** Pensyarah Kanan. Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, Kampus Tapah, Jalan Tapah, 35400 Perak. Emel: ahmadbakhtiar@perak.uitm.edu.my

***** Pembantu Penyelidik, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: izzulsyahmi95@gmail.com

Abstrak

Maraknya aktiviti terrorisme kini seringkali dikaitkan dengan motif keagamaan. Seringkali agama dipersalahkan dan menjadi kambing hitam dalam tiap tindakan terrorisme, umpamanya pengeboman diri, tembakan rambang dan sebagainya. Kesannya akan memicu konflik dan salah faham antara umat beragama. Fenomena ini jika tidak ditangani segera akan mewujudkan ketidakharmonian khususnya dalam hubungan antara agama. Sedangkan secara asasnya, tiada agama yang membenarkan aktiviti keganasan. Malah dalam Islam, terdapat peraturan yang ketat sama ada dalam konteks damai mahupun peperangan. Contohnya, dalam kondisi peperangan, golongan tua, perempuan dan kanak-kanak serta rumah ibadat dilindungi di samping tidak boleh dimusnahkan. Ironinya, dalam tindakan keganasan, sasaran yang dilakukan tanpa mengira golongan jantung, rumah ibadat atau kondisi aman dan peperangan. Dalam kes pengeboman berani mati, banyak nyawa yang terkorban dan rumah ibadat dimusnahkan. Keadaan ini jelas bertentangan dengan panduan syariat Islam. Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan tentang terrorisme dengan menfokuskan terhadap isu pengeboman diri atau berani mati. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji akan meneliti kes-kes pengeboman yang dilaporkan di samping menganalisis perspektif hukum Islam tentang tindakan pengeboman diri khususnya dalam konteks Asia Tenggara. Hasil kajian mendapati, terrorisme tiada hubungan dengan agama, bahkan ia merupakan tindakan yang menyimpang dari ajaran agama.

Kata Kunci: terrorisme; bunuh diri; lone-wolf; perdamaian; jihad.

Abstract

The advent of terrorism is synonymous with religious motives. Religion gets the blame and becomes a scapegoat in every act of terrorism, albeit in self-bombing or random shootings. The effect will trigger conflict and misunderstanding between religious people. This phenomenon, if not dealt with immediately, will create disharmony, especially in the relationship between religion. While basically, no religion permits terrorist activity. Even in Islam, there are strict rules whether in the context of peace or war. For example, in war conditions, the elderly, women and children as well as places of worship are protected and cannot be destroyed. Ironically, in acts of violence, targets are done regardless of gender, worshipping sanctums and wars. Suicide bombings victimise many lives and destroy many churches in the process. This situation is vehemently against the guidance of Islamic law. In this regard, this study will discuss terrorism by focusing on issues of self-suicide or suicide. To achieve that objective, the researcher will examine reported cases of bombings as well as analyse the Islamic legal perspective on self-bombing in particular in the context of Southeast Asia. The findings show that terrorism has no relationship with religion, it is even a deviation from religion.

Keywords: terrorism; suicide; lone-wolf; peace; jihad.

PENGENALAN

Pada masa kini aktiviti keganasan telah berkembang seiring dengan kecanggihan teknologi komunikasi dan maklumat. Kepesatan teknologi dimanfaatkan sepenuhnya dalam proses merekrut dan menyebarkan propaganda ganas. Pelakunya bukan lagi dinisbahkan kepada golongan yang kuat fizikal semata-mata, malah turut melibatkan golongan yang “dikatakan lemah” dalam lapisan masyarakat seperti kaum wanita dan kanak-kanak.

Aktiviti keganasan di rantau Asia Tenggara telah diwarnai dengan beberapa siri serangan pengeboman terutamanya di Indonesia. Selepas peristiwa 9/11 2001 kita dapat menyaksikan pelbagai aksi keganasan dilakukan oleh terroris. Misalnya, selepas pengeboman Bali telah mencetuskan lagi beberapa siri pengeboman di banyak tempat di Indonesia (Azra, 2003) seperti pengeboman di Hotel J.W. Marriot tahun 2003 di Jakarta, Kedutaan Besar Australia tahun 2004 serta Bali II pada tahun 2005 (M. Zaki, 2015; Singh, 2017). Dalam siri terkini, golongan wanita dan kanak-kanak turut digunakan dalam serangan di Surabaya (BBC, 2018). Di Malaysia, siri serangan bom berlaku dalam skala yang kecil, misalnya pada 28 Jun 2017 telah berlaku pengeboman Kelab Malam Puchong yang mencederakan 8 orang. Pada 5 September 2017, pihak PDRM melaporkan telah menahan 19 orang yang disyaki terlibat dengan kegiatan keganasan, termasuk 8 orang individu yang merancang melakukan serangan sambutan Hari Kebangsaan Malaysia di Dataran Merdeka dan Upacara Penutup Kejohanan Sukan Sea di Bukit Jalil, Kuala Lumpur (Abdul Hakim, 2017). Dan pada 10 Oktober 2017, PDRM menahan seorang pelajar lelaki di Pasir Puteh, Kelantan kerana dipercayai merancang serangan di pesta arak Better Beer Festival 2017 di Solaris Damansara. Kumpulan itu juga disyaki merancang serangan dengan menggunakan peranti letupan dikenali sebagai Improvised Explosive Device (IED) dengan beberapa buah rumah ibadat orang bukan Islam serta pusat-pusat hiburan di sekitar Lembah Klang (Syed Azlan, 2017).

Di sebalik aktiviti terrorisme tersebut, seringkali ia dikaitkan dengan agama tertentu, terutamanya Islam. Sedangkan kedatangan Islam membawa *rahmatan lil alamin*. Kesannya, wajah Islam yang aman dan damai menjadi bengis dan kejam apabila dikaitkan dengan aktiviti terrorisme. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan tentang tindakan keganasan yang menggunakan pendekatan pengeboman diri dan usaha untuk mewujudkan kerukunan antara umat beragama bagi bersama-sama memerangi aktiviti terrorisme sama ada peringkat lokal mahupun global kerana ia hadir tanpa agama, sebaliknya disalahnisbahkan kepada agama.

SENARIO PENGEBOMAN BERANI MATI DALAM AKTIVITI TERRORISME

Pada masa kini, dalam senario serangan terrorisme, kaedah popular yang digunakan adalah pengebom berani mati. Ia merujuk kepada pihak yang meletupkan dan mengorbankan diri untuk membunuh sasaran musuh yang lebih ramai (Ganor, 2003). Pengeboman jenis ini seperti mana yang dijelaskan oleh pengkaji sebelum ini, kebanyakannya dilakukan oleh pejuang lelaki.

Walau bagaimanapun, menurut laporan akhbar-akhbar antarabangsa, kumpulan IS turut menggunakan wanita bagi melancarkan serangan tersebut. Contohnya seperti yang dilaporkan dalam CBS News, beberapa serangan menggunakan wanita telah dilakukan di wilayah Mosul, Iraq yang menyasarkan tentera Iraq dan pakatan Amerika yang mengakibatkan berbelas kematian dan kecederaan di pihak tentera (Jadallah, 2017). The Times London pula melaporkan pada Julai 2017 terdapat 20 serangan menggunakan wanita khususnya isteri-isteri pejuang IS dilakukan sekitar Iraq dengan modus operandinya berselindung di sebalik orang-orang awam yang melarikan diri daripada peperangan dan meletupkan jaket bom yang terselindung di sebalik pakaian mereka (Shamary, 2017).

Menurut Anaedozie (2016), kegiatan menggunakan wanita sebagai pengebom berani mati oleh kumpulan Boko Haram dikesan bermula pada tahun 2014. Ciri fizikal wanita yang kurang untuk diperiksa oleh pihak berkuasa dikenalpasti antara punca utama kes pengeboman berani mati yang dilancarkan sukar dikesan. Memetik dapatan kajian Combating Terrorism Center at West Point yang dikeluarkan pada Ogos 2017, daripada 11 April 2011 hingga 30 Jun 2017, sebanyak 238 operasi berani mati telah dilancarkan oleh kumpulan Boko Haram di pelbagai tempat. 56% daripada pelakunya adalah golongan wanita (Warner & Matfess, 2017).

Jelasnya, dalam aktiviti pengeboman diri ini, golongan terroris tidak lagi menjaga panduan Syarak, yang mana ia melibatkan tindakan membunuh diri oleh pelaku, menyerang kawasan yang aman bukan kawasan peperangan, membunuh pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengambilkira warga tua, wanita dan kanak-kanak, malah merosakkan rumah ibadat seperti gereja. Tindakan ini secara terang menyeleweng daripada ajaran Islam.

TERRORISME TANPA AGAMA: PENOLAKAN TERHADAP TINDAKAN PENGEBOMAN BERANI MATI

Selepas peristiwa 11 September, aktiviti terrorisme sering dikaitkan dengan pegangan agama tertentu. Penisbahan ini bersifat menyeleweng kerana asasnya agama sering

menyeru kepada perdamaian. Tujuan beragama juga adalah untuk tunduk dan patuh, membina keharmonian bersama, bukan menimbulkan konflik dan pergaduhan antara umat beragama dan juga dengan pihak tidak beragama. Antara tindakan ganas dan menyeleweng tersebut termasuklah aktiviti pengeboman diri.

Secara umumnya, perbincangan tentang hukum pengebom berani mati bukanlah perkara yang baru. Ia bermula sejak awal tahun 1990an dengan pelbagai fatwa khusus merujuk isu pengebom berani mati di wilayah Palestin yang mencetuskan persoalan tentang status pelaku sama ada dihukum syahid atau melanggar batas agama (al-Takruri, 1997). Ringkasnya, para ulama dan sarjana kontemporari berbeza pendapat dalam menghukum status pengebom berani mati tersebut. Walaupun majoriti menghukum perbuatan tersebut dibenarkan syarak dan pelakunya adalah syahid, terdapat juga sebilangan yang tidak bersetuju (Majmu'ah min al-'Ulama', 1996; al-Takruri, 1997). Mereka yang tidak bersetuju berhujah dengan larangan al-Quran tentang perbuatan mencampakkan diri dalam kebinasaan. Firman Allah SWT:

وَلَا تُلْفُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

Maksudnya:

“..dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan..”

(Surah al-Baqarah (2): 195

dan hadis-hadis larangan Rasulullah SAW membunuh orang awam yang tidak terlibat dalam peperangan.

Para ulama yang menghukum sebaliknya pula berhujah dengan niat pelakunya yang murni, hujah para fuqaha silam dalam isu 'al-tatarrus', kisah-kisah sejarah Islam terdahulu tentang pengorbanan individu mengorbankan diri demi kedaulatan Islam dan juga realiti di negara Palestin. Para fuqaha silam memang dilihat membincangkan hal tersebut di bawah perbincangan 'al-tatarrus', iaitu perisai manusia (orang Islam atau orang awam) yang dibina oleh pihak musuh Islam untuk menghalang serangan pihak tentera Islam. Walaupun ia bukanlah jenis serangan yang sama, maksud dan implikasinya dilihat mempunyai persamaan sehingga sarjana terkemudian menjadikan hujah para ulama silam tentang *al-tatarrus* sebagai panduan melalui metode *al-Qiyas*. (Mohd Johari, 2003).

Secara umumnya, para fuqaha empat mazhab telah bersepakat dalam membenarkan serangan terhadap musuh yang berperisai manusia termasuk orang-orang Islam walaupun terpaksa mengorbankan nyawa mereka dengan syarat mereka berada dalam keadaan darurat (Al-Takruri, 1997). Darurat yang dimaksudkan adalah:

- i. Tiada pilihan lain bagi pihak tentera, iaitu pihak musuh telah menyerang bertalu-talu tanpa henti (Al-Jassas, t.t.).
- ii. Jika tidak menyerang perisai musuh tersebut, mereka akan diserang dan mendapat mudarat yang lebih besar (al-Farra, 1938).
- iii. Perisai manusia tersebut telah bercampur dan sukar dikenalpasti kedudukan orang Islam yang berada di sana (al-Shirazi, 1996).
- iv. Keputusannya ditentukan oleh pemerintah Islam setelah mengambil kira segala pertimbangan (التصرف على الرعية منوط بالمصلحة) (al-Mawardi, 1989).

Selain daripada itu, kedudukan realiti umat Islam di Palestin turut dijadikan sandaran hujah. Mohd Johari (2003) menjelaskan, masyarakat Yahudi Israel adalah

penceroboh tanah berdaulat Palestin dan telah merampas dan mencabuli hak-hak orang Islam termasuk Masjid al-Aqsa di Palestin sejak tahun 1948. Walaupun tidak menjadi tentera sepenuh masa, golongan awam Yahudi di Palestin merupakan tentera kerahan yang sama statusnya dengan askar wataniyyah di Malaysia. Mereka boleh dan bersedia dikerah bila-bila masa sahaja untuk berperang. Selain itu, golongan awam Yahudi turut terbukti bersama-sama menindas dan membunuh orang Islam dengan zalim dan kejam dalam banyak peristiwa rakaman sejarah di Palestin. Justeru itu, dengan pertimbangan secara komprehensif dan kolektif, majoriti para ulama kontemporari membenarkan operasi berani mati walaupun melibatkan orang awam Yahudi setelah menilai ianya adalah munasabah sebagai jalan jihad terakhir dan menepati kehendak-kehendak syariah yang sebenar.

Walau bagaimanapun, hukum pengebom berani mati tersebut adalah bersifat khusus dalam konteks negara Palestin yang mempunyai latar belakang tersendiri. Melakukan qiyas dengan menyamakan tindakan pengeboman di negara-negara Islam atau negara-negara lain yang melibatkan orang awam adalah suatu kesalahan yang dikira *qiyas ma'a al-fariq* (al-Qaradawi, 2009). Ini adalah kerana:

- i. Negara-negara Islam atau negara-negara kafir yang aman tidak termasuk dalam fatwa para ulama yang membenarkan operasi serangan berani mati ini dilakukan.
- ii. Pandangan ulama terdahulu tentang *al-tatarrus* pula adalah khusus berkaitan situasi peperangan, bukan situasi negara yang berada dalam keadaan aman.
- iii. Tahap darurat yang digariskan para ulama dengan begitu ketat didapati tidak wujud atau tidak sampai ke tahap darurat seperti yang dimaksudkan.
- iv. Realiti keadaan umat Islam Palestin serta hakikat kezaliman dan kuasa masyarakat Yahudi Israel adalah berbeza dengan bentuk-bentuk realiti pemerintahan di negara-negara lain.

Oleh yang demikian, didapati siri-siri peristiwa pengeboman berani mati sejak peristiwa 9/11, siri serangan bom di Bali, Perancis, UK dan lain-lain telah mendapat kecaman seluruh sarjana Islam termasuk para ulama yang membenarkan serangan berani mati di Palestin kerana ianya dilakukan tanpa menepati syarat-syarat ketat dan darurat seperti yang telah dijelaskan termasuk mengorbankan ramai orang awam yang tidak berkaitan (Dzulqarnain, 2006).

Dengan itu, jelaslah tindakan bom berani mati bukanlah sesuatu yang dibenarkan oleh Islam dan para sarjananya. Kebenaran hanya diberikan dalam kes khusus di Palestin dalam keadaan darurat dan mempunyai syarat yang ketat, namun golongan terrorisme meluaskan skop sewenang-wenangnya sehingga menimbulkan salah faham terhadap Islam dan para sarjananya. Realiti sepuluh tahun kebelakangan ini menunjukkan fatwa-fatwa tersebut seolah-olah telah diseleweng dan dijadikan sebagai alasan bagi menghalalkan serangan-serangan berani mati yang mengorbankan banyak pihak tidak berdosa. Tambah parah, terdapat fatwa-fatwa songsang yang dikeluarkan kumpulan terrorisme tanpa pertimbangan yang benar mengikut disiplin ilmu Islam pula telah menghancurkan banyak negara umat Islam sedunia. Ia juga telah mencemarkan nama baik Islam dalam kalangan masyarakat bukan Islam antarabangsa.

Kesimpulannya, serangan bom berani mati, *lone wolf* dan seumpamanya terhadap mana-mana orang kafir atau dianggap ‘murtad’ di negara masing-masing merupakan tindakan yang jelas bercanggah dengan prinsip-prinsip asas jihad dalam Islam dan bertentangan maqasid Syariah (Muhd Imran et al., 2016).

Dalam konteks ini, terdapat unsur penyalahgunaan konsep fiqh jihad. Walaupun jihad merupakan suatu syariat kepada umat Islam, telah wujud garis panduan dan batasan-batasan yang telah ditetapkan (al-Qaradawi, 2009; al-Zuhaily, 1998), antaranya:

- i. Tidak membunuh orang yang tidak berperang seperti wanita, kanak-kanak, orang-orang tua yang sangat uzur, penghuni rumah ibadat dan lain-lain.
- ii. Tidak melakukan aktiviti di kawasan yang aman.
- iii. Tidak melampaui batas.
- iv. Tidak boleh mencincang musuh atau menghina mayat.
- v. Tidak boleh merobohkan atau membakar bangunan.
- vi. Tidak boleh menebang pokok atau merosakkan tanaman.
- vii. Tidak boleh membunuh musuh yang menyerah diri.
- viii. Tidak boleh merosakkan rumah ibadat.

PENUTUP: MENCARI TITIK PERDAMAIAN ANTARA UMAT BERAGAMA

Tindakan terrorisme yang diatasnamakan sebagai operasi keagamaan atau jihad telah merosakkan citra Islam sebagai agama yang damai. Sekaligus tindakan ini telah mewujudkan gejala islamophobia dalam kalangan masyarakat bukan Islam (Amirulhakim et al., 2018). Hakikatnya, tiada agama yang mengajar umatnya melakukan keganasan kerana asas agama adalah perdamaian sama ada secara fizikal mahupun spiritual. Sedangkan Islam itu sendiri adalah nama bagi sebuah perdamaian. Tegasnya, semakin tinggi tahap ketaatan seorang penganut agama, semakin ia cenderung kepada kehidupan yang aman lagi damai.

Selain itu, dalam membina kerukunan antara umat beragama, sistem keyakinan tiapnya tidak boleh dihapuskan kerana tiap agama dibina berasaskan keyakinan agama tersendiri. (Adian, 2015). Dengan kata lain, tiada elemen kekerasan dan paksaan dalam beragama. Malah pencarian titik temu boleh dilakukan lewat perjumpaan dan dialog yang konstruktif dan berkesinambungan. Pencarian titik temu umat beragama boleh dilakukan dengan berbagai cara, salah satunya adalah lewat pintu masuk etika. Lantaran pintu gerbang etika, manusia beragama secara universal menemui cabaran dan musuh kemanusiaan yang sama, iaitu keganasan dan peperangan. Kerana tiada agama yang lahir dengan tujuan mewujudkan konflik antara manusia. Melalui kerjasama ini, sebuah kesepakatan bersama dapat melahirkan toleransi, harmoni, bahkan kerjasama lintas agama ditengah-tengah keragaman (Muhammad, 2014).

Justeru, dalam menjayakan perdamaian yang berbasiskan anti terrorisme, terdapat empat komitmen yang perlu dipegang oleh semua penganut agama bagi menciptakan suasana yang harmoni (Asep, 2007; Zuo'an, 2013), iaitu:

1. Komitmen terhadap budaya yang tidak ganas dan menghargai kehidupan bersama.

2. Komitmen terhadap budaya solidariti kemanusiaan (ukhwah bashariyyah) dan keadilan ekonomi.
3. Komitmen terhadap budaya toleransi, kerjasama dan saling percaya mempercayai.
4. Komitmen terhadap budaya hormat menghormati dan egalitarian antara lelaki dan wanita.

Dengan komitmen ini, aktiviti terrorisme tidak akan mendapat tempat dalam masyarakat kerana ia hadir tanpa agama yang mendokongnya. Salah nisbah kepada agama Islam sebagai agama yang membawa mesej konflik, keganasan dan peperangan perlu diperbetulkan. Begitu juga dengan fatwa pengeboman berani mati perlu dinilai kembali kerana mafsadahnyanya sangat besar kerana ia tidak mengambilkira masa, tempat dan sasaran yang dibenarkan syariat. Sebaliknya mesej Islam sebagai agama *rahmatan lil alamin* wajar diwarwarkan sebagai model yang baik lagi holistik kepada masyarakat global bagi mewujudkan keharmonian dan perdamaian antara umat beragama.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran GMMF 2018 02/ST02/2018“Pendekatan Fiqh Anti Keganasan Dalam Menangani Gejala Ekstremisme Agama Kalangan Wanita” dan geran FRGS FP031-2016, “Pembinaan Model Wasatiyyah dalam Menangani Gejala Ekstremisme Agama di Malaysia” yang dianugerahkan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

RUJUKAN

- Adian Husaini, (2015), *Kerukunan Beragama dan Kontroversi Penggunaan Kata Allah dalam agama Kristen*, Jakarta: Gema Insani.
- al-Farra, Muhammad Hussain, (1938), *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Kaherah: Matba'ah al-Mustafa al-Halabi.
- Al-Jassas, Abi Bakar Ahmad 'Ali al-Razi, (t.t.), *Ahkam al-Quran li al-Jassas*, t.tp: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Mawardi, al-Qadi Abu al-Hasan 'Ali Habib, (1989), *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah* (Kuwait: Maktabah Dar Ibn Qutaibah.
- Al-Qaradawi, Yusuf, (2009), *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqaranah li ahkamihi wa falsafatihi fi daw al-Quran wa al-Sunnah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Shirazi, Abu Ishaq, (1996), *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*, Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Takruri, Nawaf Hayil, (1997), *al-'Amaliyyat al-Istisyhadiyyat fi al-Mizani al-Fiqhi*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaily, Wahbah, (1998), *Atharu al-Harb fi al-Fiqh al-Islami Dirasah Muqaranah*, cet. 3 Damsyik: Dar al-Fikr..
- Asep Syaefullah, (2007), *Merukunkan Umat Beragama*, Jakarta: Grafindo.
- Dzulqarnain Muhamad Sanusi, (2006), *Meraih Kemuliaan Melalui Jihad Bukan Kenistaan*, t.t.p: Pustaka As-Sunnah.
- Majmu'ah min al-'Ulama', (1996), *Hukm al-'Amaliyyah al-Istisyhadiyyah wa al-Rad 'ala al-Mungalatat wa al-Tahrifat*, Amman: Majmu'ah min al-'Ulama'.

- Mohd Johari Hussain, (2003), *Operasi Mati Syahid Menurut al-Siyasah al-Syari'yyah*, Disertasi Sarjana, Jabatan Siyasah Sya'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Amirulhakim Nadzri, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Muhd Imran Abd Razak, Muhammad Yusri Yusof Salleh, & Paiz Hassan, (2018), Penyebaran Salafi Jihadis Ke Perguruan Tinggi Di Malaysia Dan Dampaknya Terhadap Islamophobia. *JAS-PT Jurnal Analisis Sistem Pendidikan Tinggi*, 2(1), 27 - 38.
- Anaedozie, F., (2016), “Has the Emergence of Female Suicide Bombers in Nigeria Depicted the Exploitation of Feminine Vulnerability? A Critical Appraisal of Boko Haram’s Female Suicide Bombers in Nigeria”, *International Journal of Innovative Research & Development* 8, no. 3, 224-225.
- Azyumardi Azra, (2003), Bali And Southeast Asian Islam: Debunking The Myths, dalam *After Bali: The Threat of Terrorism in Southeast Asia*, (ed.) Kumar Ramakrishna and Seng Seng Tan Singapore: Institute of Defence and Strategic Studies, Nanyang Technological University and World Scientific Publishing Company.
- Ganor, B., (2003), *The First Iraqi Suicide Bombing-A Hint of things to Come?* International Institute for Counter-Terrorism.
- M. Zaki Mubarak, (2015), Dari NII ke ISIS: Transformasi Ideologi dan Gerakan dalam Islam Radikal di Indonesia Kontemporer, *Epistemé*, 10(1), 77-98.
- Muhammad Yusuf, (2014), Hubungan Muslim Dengan Non-Muslim Perspektif Ulama Bugis, *Al-Tahrir*, 14(2), 273-296.
- Muhd Imran Abd Razak, Mohd Anuar Ramli & Rahimin Affandi Abdul Rahim, (2016), Aplikasi Maqasid al-Shari'ah dalam Menilai Fiqh Jihad Aliran Ekstremisme Agama, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Shahidra Abdul Khalil (eds.), *Maqasid al-Shariah: Aplikasi Dalam Aspek Sosial Dan Perundangan*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Singh, Bilveer (2017), The Revival Of Al Qaeda’s Affiliate In Southeast Asia: The Jemaah Islamiyah, *A Journal Of The International Centre For Political Violence And Terrorism Research*, 9(5), 5-7.
- Warner, Jason & Matfess, Hilary, (2017), *Exploding Stereotypes: Characteristics of Boko Haram’s Suicide Bombers* Jason Warner Hilary Matfess *The Unexpected Operational and Demographic* USA: United States Military Academy, Department of Defense, or U.S. Government.
- Zuo'an, Wang, (2013), Religious Harmony: A Fresh Concept in the Age of Globalization, *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 77, 210 - 213.
- Abdul Hakim Rahman “Polis Gagalkan Cubaan Serangan Acara Penutup Sukan SEA, Perbarisan Hari Kebangsaan”, *Astro Awani*, 5 September 2017, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-gagalkan-cubaan-serang-acara-penutup-sukan-sea-perbarisan-hari-kebangsaan-154379>.
- BBC, (2018). “Pengeboman Surabaya: Empat bom dalam dua hari”, <https://www.bbc.com/indonesia/laporan-khusus-44107881>
- Jadallah, Ahmed, (2017) “Female Suicide Bomber Kill Iraqi Soldiers in Fight for Mosul”, *CBS News*, 3 Julai 2017, <http://www.cbsnews.com/news/female-suicide-bombers-kill-iraqi-soldiers-fight-for-mosul/>

PENYELIDIKAN SERANTAU

ISLAM DAN ALAM MELAYU

*Pendidikan, Kewangan, Kehartaan,
Kenegaraan dan Isu Kontemporari*

Penyelidikan berkaitan dengan Islam dan Alam Melayu adalah tidak asing lagi dalam kalangan penyelidikan semasa. Bahkan, pelbagai aspek perbincangan diterokai oleh para penyelidik dari pelbagai latar belakang dalam usaha mengetengahkan dunia Melayu kepada masyarakat. Buku Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan, Kenegaraan dan Isu Kontemporari adalah kesinambungan daripada buku pertama yang membincangkan pelbagai topik perbincangan yang khusus kepada aspek pemikiran, falsafah, dakwah dan kebudayaan. Sedangkan, perbincangan dalam buku memberi fokus terhadap empat (4) aspek utama iaitu [1] Aliran Pemikiran Dan Kenegaraan; [2] Kewangan Dan Kehartaan Islam, [3] Falsafah Islam Dan Kerohanian, dan [4] Penyelidikan Terkini Dan Semasa Bidang Pengajian Islam. Keseluruhan artikel dalam buku ini adalah koleksi daripada artikel yang telah dibentangkan dalam International Conference on Islam in Malay World (ICONIMAD VIII) 2018 yang telah berlangsung di HiG Hotel, Langkawi pada 02 hingga 04 September 2018. Keseluruhan artikel yang terdapat dalam buku ini adalah terdiri daripada 23 artikel hasil penyelidikan para pengkaji Nusantara daripada Malaysia, Indonesia, Thailand dan Brunei. Semoga segala perbincangan dalam buku ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

